



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Perolehan Khas Hasil Kraf Tangan Tempatan  
Di Bawah Perbadanan Kemajuan Kraftangan  
Malaysia**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**KANDUNGAN**

<b>PK 7.17</b>	<b>PEROLEHAN KHAS HASIL KRAF TANGAN TEMPATAN DI BAWAH PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA .....</b>	<b>1</b>
1.	Latar Belakang .....	1
2.	Takrifan .....	1
3.	Kaedah Dan Had Nilai .....	1
4.	Syarat Perolehan.....	2
5.	Kaedah Perolehan Secara Pembelian Terus .....	3
6.	Pesanan Kerajaan .....	4
7.	Surat Setuju Terima .....	4
8.	Bon Pelaksanaan .....	4
9.	Dokumen Perjanjian.....	4
10.	Tarikh Kuat Kuasa .....	4

## **PK 7.17 PEROLEHAN KHAS HASIL KRAF TANGAN TEMPATAN DI BAWAH PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA**

### **1. Latar Belakang**

Kerajaan melalui ucapan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 telah memutuskan bahawa Kerajaan akan memberi kelonggaran khas bagi perolehan sehingga RM200 ribu untuk setiap pesanan kepada usahawan kraf tangan yang berdaftar dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) bagi mendukung hasil kraf tangan tempatan.

### **2. Takrifan**

- 2.1 “Kraf tangan tempatan” adalah ditafsirkan sebagai perusahaan (kerja, seni, dan sebagainya) yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan dengan pembuatannya dihasilkan dalam negara dan dengan syarat usahawan tersebut telah berdaftar dengan Kraftangan Malaysia.
- 2.2 “Kraf tangan” berdasarkan Akta 222 Akta Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979 adalah ditafsirkan sebagai apa-apa keluaran artistik yang mempunyai daya tarikan kebudayaan atau tradisional dan adalah hasil daripada sesuatu proses yang bergantung semata-mata atau sebahagiannya kepada kemahiran tangan, dan termasuklah apa-apa keluaran batik; dan “keluaran batik” ertinya apa-apa barang, walau bagaimanapun dihasilkan, yang mempunyai reka bentuk batik pada atau di mana-mana bahagiannya.

### **3. Kaedah Dan Had Nilai**

- 3.1 Agensi adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara pembelian terus bagi pembelian hasil kraf tangan tempatan mengikut had nilai dan Pihak Berkuasa Melulus seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Had Nilai</b>	<b>Pihak Berkuasa Melulus</b>
i.	Sehingga RM200 ribu	Pegawai Pengawal/Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pegawai Pengawal secara bertulis

- 3.2 Peraturan ini tidak terpakai bagi sesuatu perolehan bekalan/perkhidmatan yang tertakluk di bawah obligasi Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement* - FTA) yang mana perolehan tersebut perlu ditawarkan kepada negara anggota jika telah mencapai had nilai/nilai ambang yang ditetapkan. Perolehan perlu dilaksanakan mengikut peraturan perolehan yang berkuat kuasa.

#### 4. Syarat Perolehan

- 4.1 Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi.
- 4.2 Kajian pasaran dikecualikan.
- 4.3 Kod bidang berkaitan adalah seperti berikut:
- (i) Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 030601 (Tekstil), 030602 (Hasil Rimba), 030603 (Hasil Logam), 030604 (Hasil Tanah) atau 030605 (Aneka Kraf); dan
  - (ii) Pembuat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 030699 (Pembuat).
- 4.4 Perolehan hendaklah dibuat dalam kalangan pembekal atau pembuat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan. Pembekal dan pembuat kraf tangan tempatan hendaklah berdaftar dengan Kraftangan Malaysia serta perlu mengemukakan Sijil Pendaftaran Kraftangan Malaysia.
- 4.5 Perolehan boleh dilaksanakan sehingga maksimum RM200 ribu bagi setiap pesanan Kerajaan. Perolehan boleh dibuat kepada pembekal dan pembuat dalam satu pelawaan yang sama.
- 4.6 Perolehan dengan nilai maksimum yang sama dibenarkan secara berulang dengan pengecualian peraturan pecah kecil perolehan.
- 4.7 Kadar Kelayakan:
- (i) Kadar cenderamata bagi tujuan keraian rasmi Kerajaan hendaklah tidak melebihi kadar kelayakan semasa yang berkuat kuasa dan kadar yang telah ditetapkan; dan

- (ii) Kelulusan daripada Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, Perbendaharaan, Kementerian Kewangan atau Agensi lain yang berkaitan hendaklah diperoleh terlebih dahulu sekiranya kadar cenderamata melebihi kadar kelayakan semasa yang berkuat kuasa.
- 4.8 Pegawai yang menguruskan perolehan hendaklah berusaha untuk merundingkan harga bagi mendapatkan nilai faedah terbaik kepada Kerajaan dan mendapatkan pengesahan/persetujuan daripada kedua-dua pihak secara bertulis sama ada melalui e-mel/faks.
- 4.9 Perolehan perlu mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan dan perolehan tersebut telah dimasukkan di dalam Perancangan Perolehan Tahunan (PPT).
- 4.10 Tatacara rundingan harga adalah dikecualikan.

## **5. Kaedah Perolehan Secara Pembelian Terus Sehingga RM200 Ribu Setiap Pesanan Kerajaan**

- 5.1 Pembelian Terus sehingga RM200 ribu boleh dilaksanakan melalui modul Pembelian Terus - Item Khas/PK7 dan dipelawa hanya kepada pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan selaras dengan perenggan 4.3.
- 5.2 Agensi boleh melaksanakan perolehan ini dengan membuat carian item di "Carian Katalog" atau melaksanakan proses Pelawaan Tawaran Harga (*Simple Quote* - SQ) dan seterusnya memilih Jenis Perolehan "Item Khas/PK7".
- 5.3 Agensi dikehendaki untuk memilih Sebab Item Khas/PK7 sebagai "PK7.17 - Perolehan Khas Hasil Kraf Tangan Tempatan Di Bawah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia" dan mengunci masuk "PK7.17 - Perolehan Khas Hasil Kraf Tangan Tempatan Di Bawah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia" di ruangan "Justifikasi".
- 5.4 Proses Pembelian Terus selanjutnya hendaklah diteruskan sehingga selesai membuat "Padanan Bayaran" di modul Pemenuhan.

## **6. Pesanan Kerajaan**

6.1 Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan selaras dengan Arahan Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan ke atas pegawai yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan.

## **7. Surat Setuju Terima**

7.1 Agensi dikecualikan daripada mengeluarkan Surat Setuju Terima bagi perolehan bermasa atau *one-off* tanpa tertakluk kepada sebarang had nilai.

## **8. Bon Pelaksanaan**

8.1 Agensi dikecualikan daripada mengenakan Bon Pelaksanaan.

## **9. Dokumen Perjanjian**

9.1 Pengecualian daripada mengadakan dokumen perjanjian diberikan bagi perolehan ini. Walau bagaimanapun, terma dan syarat bagi perkhidmatan/pembekalan tersebut hendaklah dinyatakan dengan jelas bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara dan dilampirkan bersama Pesanan Kerajaan.

## **10. Tarikh Kuat Kuasa**

10.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2024**.